



E-BULETIN

EDISI 2, 2020

[HTTP://WWW.PPKKLLPM.MOH.GOV.MY](http://www.ppkklpm.moh.gov.my)



SETITIS TINTA EDITOR:

Penularan wabak pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada perkhidmatan kesihatan pergigian dan juga aktiviti latihan pelatih di institusi. Justeru itu, pelbagai langkah dan aktiviti telah dilaksanakan oleh Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Institut Latihan KKM (Pergigian) Georgetown Pulau Pinang agar penyampaian perkhidmatan pergigian dan latihan ini tetap dapat diteruskan pada tahap yang optima dan selamat.

Malaysia yang berada pada fasa pemulihan pandemik COVID-19 kini memerlukan setiap individu dan komuniti memainkan peranan sebagai petugas barisan hadapan bagi menjayakan usaha memerangi dan memutuskan penularan wabak yang boleh membawa maut. Amalan 3W (Wash, Wear Warn) dan Elakkan 3C (Confined Spaces, Crowded Places, Close Conversation) telah menjadi tanggungjawab bersama.

Para pembaca sekalian, sekiranya anda ada sebarang cadangan untuk penambahbaikan e-buletin ini, sila berhubung secara terus dengan pihak kami. Sehingga kita berjumpa lagi dalam isu yang akan datang. Terima kasih!

Signature

KUMPULAN EDITOR :

Penasihat

Dr. Nor Haslina binti Mohd Hashim

Editor

Dr. Safwanah binti Muhammad Nor

Dr. Amir Hariz bin Abd Aziz

'Dr. Nurnatasya binti Mohd Zahir

Koordinator

Dr. Nurul Haizan binti Dziauddin

Dr. Lavenyah a/p Santhanam

PENAFIAN :

Setiap hasil penulisan di dalam buletin ini daripada penulis tidak semestinya menggambarkan pendirian daripada penerbit. Penulis dan penerbit berpendapat bahawa setiap hasil penulisan yang ditulis dan dihantar ke buletin ini adalah fakta dan tidak ditiru atau diplagiat daripada mana-mana sumber lain. Pihak editor berhak mengubahsuai, mengeluarkan hasil penulisan daripada buletin atau menulis semula semua bahan-bahan yang terdapat di majalah ini sekiranya terdapat isu-isu berkaitan.

Penulisan dan pencetakan semula dari setiap bahan, artikel dan ilustrasi daripada majalah ini adalah tidak dibenarkan sama sekali tanpa mendapat sebarang kebenaran bertulis dari penerbit. Setiap maklumat yang terdapat pada majalah ini adalah benar pada masa ia diterbitkan.



PERUTUSAN PENGARAH

| DR. NOR HASLINA BINTI MOHD HASHIM |



Sebagai pembuka kata, syabas diucapkan kepada Sidang Redaksi e-Buletin PPKK & ILKKM (Pergigian) atas penerbitan Siri 2 Tahun 2020.

Tahun 2020 mencatatkan sejarah apabila seluruh dunia dikejutkan dengan penularan pandemik COVID-19. Tidak terkecuali di Malaysia. PPKK & ILKKM (Pergigian) turut terkesan dengan penularan wabak ini dimana aktiviti Latihan iaitu pengajaran dan pembelajaran diteruskan secara online dan Perkhidmatan Pergigian juga turut diubahsui mengikut norma baharu bagi membantu memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.

Pada penggal akhir 2020, institusi ini telah berkesempatan menjalankan beberapa program yang dirancang mengikut prosedur operasi standard COVID-19 yang ditetapkan dengan penglibatan kakitangan dan pelatih. Antara program/aktiviti yang dijalankan ialah Karnival Bahan Promosi Kesihatan Pergigian, Pelancaran Bulan Kebangsaan ke-63, disertai dengan kehadiran adik-adik comel dari taska PPKK & ILKKM dan Minggu Kesedaran Kanser Mulut.


Antara tujuan program/aktiviti di atas ialah melahirkan pelatih-pelatih yang lebih berkeyakinan, mengeratkan silaturahim antara pelatih dan staf pengajar, memberi pendedahan kesihatan pergigian, mencungkil bakat dan berkongsi idea mengenai pelbagai kaedah penyampaian maklumat kesihatan pergigian melalui teknologi komunikasi masakini.

Penghantaran pulang pelatih pada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ke kampung halaman telah dilaksanakan selaras dengan SOP yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan. Pihak PPKK & ILKKM (Pergigian) mengucapkan terima kasih kepada staf-staf institusi yang membantu dalam memastikan kelancaran proses kelancaran proses penghantaran pulang para pelatih.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas buat sidang redaksi e-buletin kerana berjaya merakam pelbagai aktiviti bersejarah buat warga PPKK & ILKKM pada tahun ini untuk tatapan kita pada masa akan datang. Tidak lupa juga buat semua warga PPKK & ILKKM yang terlibat menjayakan aktiviti dan acara sepanjang tahun 2020 tidak kiralah samada secara langsung dan tidak langsung.

Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan buat anda semua.

ISI KANDUNGAN :

- 1 Karnival Promosi Kesihatan Pergigian 2020
- 2 Pelancaran Bulan Kebangsaan Ke-63
- 3 Perhimpunan Pagi & Penyampaian
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019
- 4 Perasmian Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2020 
- 5 Momen - Momen 2020
- 6 Penerima APC 2019
- 7 Kakitangan Pesara 2020
- 7 Kemasukan Kakitangan Baru 2020





Buat julung kalinya, Unit Promosi Kesihatan Pergigian PPKK & ILKKM telah menganjurkan Karnival Promosi Kesihatan Pergigian sempena Minggu Promosi Kesihatan Pergigian Peringkat Kebangsaan 2020.

Karnival ini bertujuan mencungkil bakat dan berkongsi idea mengenai pelbagai kaedah penyampaian maklumat kesihatan pergigian kepada kumpulan sasaran dengan era kemajuan teknologi komunikasi mas kini. Karnival ini telah dirasmikan oleh Pengarah PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown, Dr Nor Haslina binti Mohd Hashim. Antara pengisiannya ialah paparan pencapaian Facebook Page oleh Dr Amir Hariz bin Abd

Aziz, pengenalan Klinik Pergigian Mesra Promosi oleh Dr Shardhana Morgan, pra-tayang hasil kreativiti bahan promosi, pameran poster dan tayangan video para pemenang dan perkongsian aktiviti Promosi di Klinik oleh Dr Puteri Maizura binti Megat Tajuddin dari BKP, Pulau Pinang.

Selain daripada itu, turut dijalankan pelaksanaan program KOSPEN Plus, saringan kesihatan pekerja (bacaan tekanan darah, RBS, ukur lilit pinggang, BMI) untuk peserta-peserta yang menghadiri karnival ini. Semoga karnival ini dapat memacu usaha warga PPKK & ILKKM (Pergigian) menanamkan kesedaran kepentingan kesihatan pergigian di kalangan masyarakat di samping meningkatkan kualiti Pengajaran & Pembelajaran di institusi ini. Terima kasih dan tahniah kepada urusetia dan semua peserta.

Karnival Promosi Kesihatan Pergigian 2020

TARIKH:
26 OGOS 2020

TEMPAT:
AUDITORIUM,
PPKK & ILKKM
(PERGIGIAN)

PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN KE-63

TARIKH:
26 OGOS 2020

TEMPAT:
AUDITORIUM,
PPKK & ILKKM (PERGICIAN)

Bersempena dengan Hari Kebangsaan yang akan tiba tidak lama lagi, telah berlangsungnya majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan, yang turut diserikan dengan kehadiran adik-adik comel dari Taska PPKK & ILKKM di Auditorium, bersama-sama menyanyikan lagu-lagu patriotik..



SELAMAT HARI

MERDEKA

KE-63

MALAYSIA

PRIHATIN





PERHIMPUNAN PAGI & PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019

TARIKH:
25 SEPTEMBER 2020

TEMPAT:
AUDITORIUM,
PPKK & ILKKM (PERGIGIAN)

Satu Perhimpunan Pagi Anggota PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown telah diadakan pada hari ini.

Perhimpunan yang diadakan secara berkala ini bertujuan memberi maklumat terkini mengenai perkhidmatan dan hal-hal berkaitan Penjawat Awam. Pengisian perhimpunan kali ini dimulai dengan bacaan doa oleh En. Luqman Hakim, lagu Negaraku, Lagu Negeri Kita dan Kami Sedia Membantu diikuti dengan perutusan Pengarah. Seterusnya ceramah motivasi oleh En M. Amin b Ramlee dari Unit Pentadbiran dengan mesej "Kerja Satu Ibadah", sesi X-Break dan suai kenal anggota baru masuk.

Dikesempatan kali ini, pihak Pentadbiran telah mengadakan penyampaian sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019 kepada 14 orang penerima yang berjaya.

Diharapkan dengan penganugerahan ini, kecemerlangan di dalam perkhidmatan dapat dikekalkan di samping menggalakkan dan menyuntik semangat anggota-anggota lain untuk turut cemerlang di masa akan datang.



PERASMIAN MINGGU KESEDARAN KANSER MULUT 2020

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020

TEMPAT : RUANG KOLAM,
BANGUNAN INDUK, PPKK & ILKKM(P)



Pelancaran Minggu Kesedaran Kanser Mulut (MCAW) Tahun 2020 Peringkat PPKK & ILKKM (Pergigian) telah diadakan dengan bertemakan "I Am And I Will... #BeatMouthCancer".

Pengunjung pameran juga berpeluang untuk memenangi pelbagai hadiah yang ditawarkan. Pelancaran MCAW juga diadakan dengan memastikan pematuhan ke atas Prosedur Operasi Standard (SOP) Covid 19 yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).



Perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Puan Pengarah PPKK & ILKKM (Pergigian), Dr. Nor Haslina binti Mohd Hashim. Antara program yang telah diatur termasuklah pameran poster, video serta kuiz interaktif.

Semoga Minggu Kesedaran Kanser Mulut ini dapat memberikan input serta nilai tambah kepada pengunjung tentang berapa pentingnya pengesanan awal kanser mulut. Tahniah diucapkan kepada urusetia MCAW tahun 2020.



JAUHI 4 'FAKE' INI!

'FAKE
BRACES'

1



'FAKE
DENTURE'

2



'FAKE
VENEER'

3



'FAKE
DENTIST'

4



Rawatan yang tidak dibuat di klinik gigi dan bukan oleh doktor gigi bertauliah adalah 'FAKE'!

MOMEN-MOMEN 2020



TONTONAN PELANCARAN MINGGU
PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN



CDE BERTAJUK "FAKE BRACES
MANAGEMENT"



BENKEL KALIBRASI IC DAS



BENKEL FOTOGAFI, INFOGAFIK &
VIDEO PENDEK

MOMEN-MOMEN 2020



BENGKEL "BREATH CO MONITOR"



AUDIT PEMANTAUAN KEDUA ISO 9001 - 2015



BENGKEL "UPDATES ON IOTN" &
ROTOKOL RUJUKAN KES ORTODONTIK



BENGKEL PENGENALAN KEPADA
INOVASI PERINGKAT PPKK & ILKKM (P)

PENERIMA APC 2019.

SYABAS DAN KEKALKAN PRESTASI ANDA !

1. Dr. Rabiatul Adawiah binti Muhamad Azzuar |Pegawai Pergigian|
2. Dr. Nurul Kauthar binti Mohamad Khari |Pegawai Pergigian|
3. Dr. Sashi Kumar a/l Manohar |Pegawai Pergigian|
4. Dr. Siti Maisarah binti Ramli |Pegawai Pergigian|
5. Zawiah binti Musa |Juruterapi Pergigian|
6. Mohamad Nasir bin Noor Azemy |Penolong Pegawai Perpustakaan|
7. Ina anak Cheludi |Juruterapi Pergigian|
8. Jeplugon Anak Jerry |Pembantu Pembedahan Pergigian|
9. Noel Nilan Anak Nyatmin |Pembantu Pembedahan Pergigian|
10. Zay Ronna binti Jaimin |Pembantu Pembedahan Pergigian|
11. Syuhaila binti Saman |Penolong Akauntan|
12. Nazrul Syam bin Baharuddin |Juruteknik Komputer|
13. Mohd Faris Aslam bin Mohamad Baharuddin
|Pembantu Operasi|
14. Sukri bin Ramli |Pemandu Kenderaan|

KAKITANGAN PESARA 2020.

TERIMA KASIH, JASAMU DIKENANG !

1. **Dato' Dr Ahmad Termizi bin Zamzuri**
|Pegawai Pergigian / Pengarah|
2. **Dr Demon anak Tugang |Pegawai Pergigian|**
3. **Pn. Lee Guat Eng**
|Pengajar Juruterapi Pergigian U44|
4. **En. Kamarulzaman bin Jamalludin**
|Pengajar Juruteknologi
Pergigian U44|

KEMASUKAN KAKITANGAN BARU 2020.

SELAMAT DATANG KE PPKK & ILKKM (PERGIGIAN) !

1.Dr. Nor Haslina Binti Mohd Hashim

2.Dr. Sharvin Kaur Banwait A/P Amrik Singh

3.Dr. Wan Zarina Binti Zainol Abidin

4.Dr. Tan Yen Nee

5.Dr. Nor Asyikin binti Bakri

6.Muhammad Luqman Hakim Bin Aziz

7.Khairun Darliyana Binti Khairuddin

8.Azlina Binti Dejeli

9.Mhd Zaki bin Awang Lah

10.Anizah Bt Mohd Anuar

11.Wan Atiqah bt Anuar

12.Wan Nur Shahirah bt Wan Zulkefle

13.Wan Izzati bt Ramli

14.Salbiah binti Md Aris

15.Nur Jihan Binti Saman

16.Norlida Binti Zakaria

17.Cherrygina Anak Gregory

18.Tengku Noor Ashikin bt Tengku Ahmad Shah

19.Fionacika Juie

20.Nur Adila binti Azmi

21.Muhamad Aliff Aizat b Norshah

22.Syed Khairul Anuar b Syed Othman

23.Nuur Muhd Faizal b Husain